



EDARAN PERCUMA | TAHUN KE 9 | EDISI 12.1.2013

LAWATAN KERJA KSU KPKT

LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA (KPKT)
DATUK ARPAH BINTI ABDUL RAZAK MELIHAT PROGRAM
PERUMAHAN RAKYAT DI TAIPING



Melawat Taiping Erbinga Anda Melawat Malaysia

Menarik Di Dalam

Selamat Tahun Baharu 2014



PROGRAM TURUN PADANG TUAN YDP,
KETUA JABATAN BERSAMA JKKK
K.G EXPO DAN AHLI MAJLIS MPT

PROGRAM GOTONG-ROYONG DAN
MENGECAT RUMAH "MPT PERIHATIN"
KG. SIMPANG HALT,

MASAKAN ISTIMEWA
TAIPING - MAKANAN
DI BANDAR WARISAN



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING



Kandungan

ALBUM KHAS HARI-HARI PERISTIWA 2013

- 04. PROGRAM YDP
TURUN PADANG
- 06. GOTONG ROYONG
- 07. JOM JANA TRANSFORMASI
- 08-09. TAKLIMAT, KURSUS,
LATIHAN DAN SEMINAR
- 10-13. PROGRAM KOMUNITI
- 14. PROGRAM KOMUNITI - KAYUHAN
KEDAMAIAN
- 16. TEROPONG BUKIT LARUT
- 17. INFO KAKITANGAN
- 18. KOLUMNIS
- 19. PRODUK PELANCONGAN
TAIPING
- 20. KHASIAT BUAH-BUAHAN
TEMPATAN
- 21. BERITA LAWATAN
- 22. PROGRAM KOMUNITI - KONVOI
KIBAR JALUR GEMILANG
- 23. KEMPEN BERSIH
ITU INDAH
- 24. PROJEK-PROJEK
PEMBANGUNAN DI TAIPING

Nota Editor

TAIPING RANCAK MEMBANGUN



Berinteraksi dengan warga Bandar Taiping sememangnya menjadi hasrat kami dengan tujuan untuk menyalurkan info peristiwa berita aktiviti yang berlaku di Taiping. Bandar pelancongan warisan.

Kami berhasrat untuk menerbitkan BULETIN MPT pada bulan September 2013 bersempena Sambutan Ulangtahun MPT ke 34 namun disebabkan beberapa kekangan kami tidak dapat menerbitkannya hinggalah ke saat ini.

Pada keluaran kali ini BULETIN MPT sebuah majalah berita MPT untuk warga Taiping dan pelawat, kami akan memaparkan berita aktiviti sepanjang tahun 2013. Kami ingin memaparkan rencana menarik mengenai daya tarikan yang terdapat di Bandar Taiping dan juga memberi info maklumat kepada pengunjung Bandar Taiping bertemakan sekitar kemajuan pembangunan Bandar Taiping.

Album khas Hari hari peristiwa yang berlaku sepanjang tahun 2013 dimuatkan sebagai maklumat berguna bagi mengetahui perkembangan program MPT bersama komuniti, kemajuan Bandar disamping lawatan-lawatan agensi yang datang berkongsi maklumat dengan Amalan Terbaik pengurusan MPT.

Kami mengambil kesempatan disini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2014 kepada semua pembaca. Menjadi harapan kami agar maklumat yang terkandung dalam BULETIN MPT keluaran ini memberi banyak manfaat. Semoga MPT terus komited Memberikan Perkhidmatan Terbaik.

MOHAMAD JAAFAR
Ketua Editor



Sidang Pengarang

PENASIHAT

Shahrom Dato' Abdul Malik, PMP, AMP, PPT
Yang Dipertua, MPT

PENGERUSI

Borhan Abdul Halim, AMP, PPT
Setiausaha Perbandaran, MPT

KETUA EDITOR

Mohamad Jaafar, PPT.

EDITOR

Mohd Shahidan Othman, PPT, PJK

URUSETIA

- Musnarizal Abd Manap
- Norizam Salleh
- Hj. Abdul Rashid Abdul Halim, PPT.

- Nurzeahan Mohd Ishak
- Nor Izzati Binti Abu Bakar
(Pelajar Pelatih)
- Muhammad Farhan Bin Sukardy
(Pelajar Pelatih)
- Nur Fatin Izzati Binti Mahmud
(Pelajar Pelatih)
- Nurin Habibu Rahman
(Pelajar Pelatih)


PENERBIT

Bahagian Hal Ehwal Komuniti & Sosial

Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Taiping



“Kita juga berharap supaya dengan usaha-usaha transformasi pembangunan dan kemajuan fizikal ini semestinya seiring dengan pembangunan diri penghuni warga bandar Taiping sendiri dari aspek sikap positif menjaga dan memelihara kebersihan dan keindahan bandar pelancongan warisan ini.”



MESEJ YANG DIPERTUA MPT

Salam sejahtera

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin Nya pihak Pengurusan Majlis Perbandaran Taiping dapat meneruskan penerbitan BULETIN MPT untuk tatapan warga MPT dan warga penduduk Taiping.

Bandar Taiping; sebuah bandar bersejarah yang kaya dengan kehijauan alam semulajadi dan bangunan warisan kini terus berkembang maju dan pesat membangun. Dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, trend pembangunan fizikal Taiping telah mengalami perubahan ketara.

Pembangunan – pembangunan berimpak tinggi seperti pembangunan hypermarket AEON dan Taiping Mall, outlet makanan segera dan industri merupakan indikator yang jelas bahawa gaya hidup masyarakat Taiping sedang mengalami transformasi yang disumbangkan oleh pertumbuhan ekonomi yang baik. Permohonan untuk membina beberapa buah hotel baru di sekitar bandar Taiping pula merupakan petunjuk yang jelas bahawa industri pelancongan juga sedang bergerak

ke arah sebagaimana matlamat dan visi MPT untuk menjadikan Taiping sebagai sebuah bandar pelancongan warisan. Suntikan pelaburan dari luar bersama-sama pelabur tempatan telah memberi nafas baru kepada pertumbuhan ekonomi.

Di samping itu juga, terdapat 4 projek perumahan berbilang tingkat atau kondominium yang diluluskan dijangka mampu memberikan satu senario dan iklim baru kepada pertumbuhan fizikal bandar Taiping. Perindustrian di kawasan Kamunting Raya dengan nilai pelaburan sekitar RM1.2 bilion juga dapat menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat di samping mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan industri hiliran kelak.

Dalam konteks pelancongan, Zoo Taiping dan Night Safari yang menjadi ikon pelancongan Perak mencatatkan jumlah pelawat seramai 700 850 pengunjung; menyaksikan bahawa Zoo Taiping dan Night Safari masih menjadi tumpuan utama pelancongan di bandar Taiping. Sebanyak tiga projek pembangunan kandang pameran haiwan bernilai RM 7 juta telah diluluskan di bawah peruntukan NCIA dan sedang dilaksanakan. Pembangunan ini bukan sahaja memberi wajah baru kepada beberapa

kandang pameran yang sedia ada, malah menjadi nilai tambah kepada konsep terbuka yang diamalkan di Zoo Taiping dan Night Safari.

Kita juga berharap supaya dengan usaha-usaha transformasi pembangunan fizikal ini semestinya seiring dengan pembangunan diri penghuni warga bandar sendiri dari aspek sikap positif menjaga dan memelihara kebersihan dan keindahan bandar pelancongan warisan ini. Ke arah ini juga warga bandar diseru memberi kerjasama sepenuhnya kepada MPT untuk mengamalkan amalan kitar semula dan membudayakan kebersihan dengan penyediaan tong sampah di premis masing-masing dan membuang sampah dengan cara yang betul. Kebersihan dan keindahan adalah tanggungjawab kita bersama.

Akhir kata Selamat Menyambut Tahun Baru 2014.

Sekian, terima kasih.

‘Warga Kerja MPT Berkhidmat dengan Senyuman’

SHAHROM BIN DATO' ABD MALIK,
PMP, AMP, PPT

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping

ALBUM KHAS HARI-HARI PERISTIWA 2013

PROGRAM YDP TURUN PADANG

**LAWATAN TURUN PADANG BERSAMA
TUAN YDP, KETUA JABATAN MPT** ke
Kampung Pinang Kamunting Bersama
Penduduk pada 23.1.2013



**LAWATAN TURUN PADANG YDP
BERSAMA PEMIMPIN MASYARAKAT
DAN PENDUDUK MENINJAU MASALAH
PEPARITAN** dan Kawasan Kg.Pinang
dan Taman-Taman Berdekatan
pada 25 Januari 2013.



**LAWATAN TURUN PADANG YDP BERSAMA
KETUA JABATAN BAGI MENGENAL PASTI
LOKASI TANAMAN POKOK** Sempena
Program Gotong-Royong My Beautiful
Malaysia Day Gotong Royong 1 Malaysia.



LAWATAN TURUN PADANG YDP, Ahli
Majlis & Ketua Jabatan Ke Pasar
Daging dan Ikan Pekan Taiping pada
20 Februari 2013.



PROGRAM TURUN PADANG YDP MPT,
SU Ketua Jabatan, Ahli Majlis, JKKK
Pokok Assam, Pasar Pagi dan Majlis
Dailog Bersama Penduduk Taman
Raja Idris pada 14.3.2013.





PROGRAM TURUN PADANG TUAN YDP, KETUA JABATAN BERSAMA JKKK K.G EXPO DAN AHLI MAJLIS MPT, antara Lawatan sekitar Kg. Expo masalah Banjir, Longkang, Jalan dan semak samun turun YB. Zahir Adun Kamunting (Exco Kerajaan N/Perak) pada 26.3.2013.



PROGRAM TURUN PADANG MAJLIS BERSAMA JKKK KG. DATO' CIKGU HASHIM dan Taman Simpang Setia pada 3.4.2013.



TURUN PADANG TAMAN TASEK INDAH BERSAMA TUAN YANG DIPERTUA, BERSAMA PEGAWAI MPT pada 9 Julai 2013.



GOTONG ROYONG

PROGRAM MY BEAUTIFUL MALAYSIA DAY Gotong-Royong 1 Malaysia Pada 3.3.2013 Bersama Penyertaan Jabatan/ Agensi/Institusi Persatuan/Kelab & Pertubuhan Ke Program Gotong-Royong 1 Malaysia Pada 3 Februari 2013 di Dataran Kedamaian, Taman Tasik Taiping.



PROGRAM GOTONG-ROYONG MY BEAUTIFUL 1 MALAYSIA

di Pekan Simpang pada 03.02.2013 Jam 8.00 Pagi, Turut Hadir Tn. Pegawai Daerah, YDP, MPT, penduduk bersama LA 21



PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA 1 MALAYSIA PERINGKAT NEGERI PERAK, di Lancarkan Oleh YB. Dato' Hj Saarani bin Mohamad Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Perladangan, Pertanian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sempena kempen Kempen Kawalan Tikus, bertempat Jalan Panggung Wayang pada 24/8/2013.





JOM JANA TRANSFORMASI & JELAJAH FAUNA

Oleh: Surina binti Sulaiman, Pengarah Projek "Jom Jana Transformasi dan Jelajah Fauna 2013"
Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Awam Universiti Utara Malaysia.



Program Jom Jana Transformasi dan Jelajah Fauna 2013 adalah projek teras bagi modul Pembangunan Masyarakat IV, Program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Awam, Universiti Utara Malaysia.

Program ini dirancang dan dijayakan bersama oleh 16 penuntut semester julai 2013/ 2014, UUM yang berkolaborasi dengan Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Taiping, Perak.

Program yang julung-julung kalinya dianjurkan ini telah diadakan pada 28 September 2013 bertempat di kediaman Encik Abu Zarin bin Mokhtar Za di Kampung Relong, Kamunting, Perak.

Program yang menyasarkan belia dan belia wanis Daerah Larut Matang sebagai responden ini bermatlamatkan untuk memupuk semangat kesukarelawan, ihsan dan kesepakatan di

kalangan peserta. Para penuntut UUM telah berkampung di kompleks Rakan Muda, Pejabat Belia dan Sukan Daerah Larut Matang mulai 27.09.2013 bertujuan untuk memudahkan penyusunan tugas dan bertanggungjawab kepada setiap peserta disamping dapat menikmati keindahan Bandar Taiping.

Pada pagi hari program, semua peserta telah berkonvoi seretak kediaman Encik Abu Zarin seawal jam 8.00 pagi. Sebaik tiba di lokasi, pihak Local Agenda 21 telah bersedia dengan peralatan, jentera dan tenaga kerja untuk mengemudikan aktiviti. Masyarakat kampung turut hadir memeriahkan suasana. Program dimulai dengan sesi taklimat tepat jam 9.00 pagi dan diteruskan dengan aktiviti yang dirancang iaitu pembersihan dan penurapan persekitaran kediaman serta mengecat dinding bahagian luar kediaman En. Abu Zarin. Berkat ketekunan semua peserta dan cuaca yang mengizinkan, program telah berjaya dilaksanakan mengikut masa yang dijadualkan dan berakhir pada jam 11.30 pagi.

Perasmian penutup telah disempurnakan oleh Encik Sarmugam a/l Cinnapan, Pengerusi Jawatankuasa Rukun Tertangga Kampung Dew Barat

mewakili Yang Dipertua, MPT. Sebagai tanda kenang-kenangan, kumpulan penuntut UUM telah menyediakan cenderahati penghargaan kepada tetamu jemputan dan 50 cabutan bertuah kepada semua hadirin yang begitu setia mengikuti program dari awal sehingga tamat. Para penuntut UUM juga tidak lupa menjalankan tanggungjawab sosial dengan menghulurkan sumbangan kepada keluarga Encik Abu Zarin berupa barangan keperluan harian seperti beras, gula dan juga sumbangan wang riggit.

Setinggi-tinggi penghargaan dikalungkan kepada Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Taiping kerana sudi menaja sarapan pagi dan bersepakat dengan penuntut UUM menyediakan makan tengahari yang amat menyelerakan kepada hadirin. Kepada semua agensi yang terlibat. " Terima Kasih daun keladi..... memori kita bersama utuh tersemat di hati.



TAKLIMAT, KURSUS, LATIHAN DAN SEMINAR

KURSUS PENGURUSAN ASET ALIH DAN STOR KERAJAAN DI MAJLIS PERBANDARAN TAIPING, PERAK.



KURSUS INTEGRITI KAKITANGAN MAJLIS DI DEWAN PERBANDARAN TAIPING pada 30.5.2013



SEMINAR KESELAMATAN PERLINDUNGAN KEPADA KETUA-KETUA JABATAN MPT, PADA 04 NOVEMBER 2013 OLEH PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA JABATAN PERDANA MENTERI





KURSUS AUDIT DALAM DAN PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001- 2008

melibatkan pegawai dan kakitangan majlis seramai 27 orang di Bilik Teratai, Penthouse ,MPT pada 24-25 Jun 2013.



LAWATAN PANEL PENILAIAN SUMBER MANUSIA SUK PERAK



KURSUS PASCA PERSARAAN bagi Anggota Majlis Perbandaran Taiping kepada Pegawai dan Kakitangan MPT seramai 61 orang bertempat di Hotel Taiping Warisan Taiping pada 25 Jun 2013.



TAKLIMAT PERMOHONAN SIJIL HALAL BAGI PENJAJA
STATION FMS pada 27 November 2013 (Rabu)
Bertempat Dewan Seminar Zoo Taiping disampaikan
oleh Jabatan Agama Islam, Perak.



CIRI LOGO HALAL MALAYSIA



Bintang berbucu 5 di
tengah bulatan.

Perkataan arab di
tengah bulatan.

Tubuan rumi: HALAL.

Bulatan logo
perwakilan Malaysia
Jabatan Agama Islam dan
Ulama.

2 bintang berbucu 5
tubuan rumi.



PROGRAM INSENTIF BAYARAN CUKAI TAKSIARAN

telah diadakan pada 2-13 Januari, 2013 bertempat
di kaunter bayaran MPT.





PROGRAM SABTU SANTAI DATARAN KEDAMAIAN pada 19.10.2013



PROGRAM SAMBUTAN POLIS BERSAMA MASYARAKAT Anjuran Polis B Dengan Rukun Tetangga Bersama Local Agenda 21 pada 08.2.2013 Di Taman Kota Jaya, Simpang.



PROGRAM MAJLIS JAMUAN TAHUN CINA Anjuran Bersama Local Agenda 21 Taman Sungai Mas pada 23.2.2013 Bertempat di Padang Permainan (Dataran Mat Husain) di Rasmikan Oleh Dato' Ismail Bin Safian, Setiausaha Sulit Kanan Menteri Besar Perak.



PROGRAM KE MAJLIS MAKAN MALAM MPT BERSAMA KOMUNITI PERNIAGAAN, PERDAGANGAN & PERINDUSTRIAN pada 6.3.2013 (Rabu). Bertempat Di SSL Hotel Trader, Kamunting.



PROGRAM KOMUNITI MASYARAKAT

Anjuran KRT Taman Sri Kota Dengan Kerjasama Majlis Perbandaran Taiping pada 10.3.2013. Bertempat Dewan Majlis Perbandaran Taman Sri Kota, di Majlis Penutup di Rasmikan oleh Tuan YDP.



PROGRAM SUKANEKA ANJURAN KAWASAN RUKUN TETANGGA TAMAN RAJA IDRIS DENGAN KERJASAMA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING SERTA MENGADAKAN KAUNTER ADUAN UNTUK KEMUDAHAN PENDUDUK pada 9.3.2013 Jam 9.00 Pagi. Di Rasmikan Oleh Tuan YDP Bertempat Dewan Orang Ramai Taman Raja Idris Pokok Assam.



PROGRAM MAJLIS PERASMIAN TAPAK FUTSAL CHANGKAT JERING

pada 16.3.2013 Oleh YB. Dato' Zainal Fadzi Bin Hj. Paharudin Pengerusi Jawatankuasa Kesenian, Kebudayaan Belia Dan Sukan Negeri, Turut Hadir YB. Datuk Hj. Rosli Husin, YDP MPT, SU MPT Ketua Jabatan MPT.





ARENA FUTSAL CHANGKAT JERING Di Rasmikan Oleh Yb. Dato' Zainol Fadzi Bin Hj. Paharudin Pada 16 Mac 2013



PROGRAM 1 MALAYSIA KOMUNITI PERWANI DAN 1 MILLION WOMEN PURPLE WALK 2013 Peringkat Larut Matang & Selama Pada 17.3.2013
Hari Ahad 8.00 Pagi Di Taman Tasik Taiping.



PROGRAM MEMBURU ANJING LIAR Dengan Kerjasama Penduduk di Kpg. Seberang, Kuala Sepetang pada 3.4.2013 Dengan Kerjasama Ahli Majlis MPT.



PROGRAM SAMBUTAN DI AMBANG MERDEKA KE 56 LAKE FRONT DI TAMAN TASIK TAIPING pada 30 Ogos 2013 Bermula Jam 9.00 Malam Dengan Persembahan Live Band, Pertunjukan Bunga Api, Persembahan Kebudayaan.



KAYUHAN KEDAMAIAAN TAIPING 2013

Oleh: Abdul Halim Yahaya



Sempena menyambut Hari Keamanan Sedunia, Persatuan Pelancongan Taiping, melalui pertubuhan sayapnya iaitu Taiping Peace Initiative (TPI) bersama pertubuhan Partners for Peace Malaysia (PpPM) telah menganjurkan program 'Kayuhan Kedamaian Taiping 2013' di Pavilion Zoo & Night Safari, Taiping pada ahad 22 september, 2013. Acara ini berjalan serentak dengan Kayuhan MTB Bukit Larut Vs Sup Tulang yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Taiping dimana kedua-dua acara ini telah menarik seramai 700 peserta.

Upacara Kayuhan Kedamaian Taiping 2013, yang bermula pada pukul 8 pagi, adalah kayuhan berbasikal berupa 'Fun Ride' dimana peserta bersama pemimpin-pemimpin tempatan, berbasikal mengelilingi Taman Tasik dan jalan-jalan utama Bandar Taiping. Kayuhan MTB Bukit

Larut Vs Sup Tulang pula berupa kayuhan kompetitif menaiki Bukit Larut.

Aktiviti kayuhan ini adalah kali kedua dijalankan di Taiping bertujuan untuk menyahut Ketetapan Majlis Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengisytiharkan 21hb September sebagai 'Hari Keamanan Sedunia'. Pada hari ini rakyat dan negara diseluruh dunia disarankan memberi penekanan dan menyalur 'Message of Peace' kepada rakyat melalui aktiviti-aktiviti seperti ini.

Pemimpin tempatan yang telah bersama-sama mengambil bahagian didalam acara ini termasuk Pegawai Daerah Larut Matang, Dato Harun bin Rawi, Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran Taiping, Tn. Shahrom bin Dato' Abdul Malik, Ketua Polis Daerah Tn. Yusuf bin Mohd Diah, dan Toh Muda orang menteri Paduka

Tuan Merangkap Orang Besar Jajahan Larut Matang & Selama Wan Mohd Isa bin Dato Wan Mohd Razalli. Turut bersama memeriahkan suasana adalah peserta-peserta basikal klasik yang datang daripada Negeri Melaka dan Terengganu dengan berpakaian tradisi dan uniform warisan.

Acara yang sungguh bermakna serta begitu meriah tamat pada pukul 12 tengah hari diikuti dengan Majlis Penyampaian Hadiah dan Cabutan Bertuah. Kayuhan Kedamaian Taiping 2013 telah mencapai matlamat yang diharapkan. Penganjur berhasrat untuk meneruskan acara kayuhan ini pada tahun hadapan iaitu pada hari Ahad 21 September 2014. Taiping yang terkenal sebagai Bandar Aman Selama-Lamanya amat bersesuaian untuk meneruskan program kedamaian seperti ini.





PROGRAM PROMOSI BERJALAN 10,000 LANGKAH Peringkat Negeri Perak
Sempena Sabtu Santai Pada 9.11.2013 Anjuran Bersama Jabatan Kesihatan
Negeri Perak Bersama Majlis Perbandaran Taiping.




PROGRAM MAJLIS IBADAH QURBAN DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILADHA.
AKTIVITI PENYEMBELIHAN LEMBU 2 EKOR DI BENGKEL MPT DAN JAMUAN
DI PERKARANGAN RUMAH KEDIAMAN YDP, Antara Jemputan Kakitangan Mpt,
15 Orang Fakir Miskin dan anak yatim serta lain jemputan pada 17.10.2011



TEROPONG BUKIT LARUT

MENCINTAI BUDAYA KERJA MPT



1. Pengurusan menyediakan kemudahan terbaik kepada staf, Staf akan terdorong untuk melaksanakan sesuatu tugas dan aktiviti dengan baik lebih efisien dan tindakan itu memberi pulangan positif kepada organisasi.
2. Wujudkan majlis penghargaan dan apikasi pengurusan kepada staf.
3. Wujudkan persekitaran kerja yang kondusif, insentif- saguhati, manfaat kebajikan dan kesihatan serta gaya hidup sihat, menghargai agar sentiasa berinovasi.
4. Digalax mencuba sesuatu yang baru berfalsafahkan rebut peluang selagi ada.
5. Ganjaran jika ada inovasi baru.
6. Staf dibudayakan supaya sentiasa ceria dan seronok bekerja.
7. Menghormati idea staf untuk staf dan idea staf untuk organisasi.
8. Budaya membaca-satu kemestian. (Program semarak ilmu)
9. Staf diberi peluang bercuti dan melaksanakan kajian untuk tambah nilai organisasi.
10. Peluang gunapakai alatan dan teknologi terkini permudah dan percepat kerja.
11. Sentiasa rangsang minat dan semangat bekerja.
12. Budaya perkongsian ilmu.
13. Prestasi staf dinilai berdasarkan kepada pencapaian pasukan.
14. Menjadi peneraju.
15. Setiap staf digalax agar sentiasa berfikir secara inovatif.
16. Sumber rujukan disediakan secara on line.
17. Penerbitan digalakkan.
18. Interaksi sosial digalakan aktiviti dan kekeluargaan dianjurkan (Mencabar kemustahilan, Mencipta keunggulan)
19. Budaya komunikasi secara berkesan-mensyuarat harian mingguan bulanan.
20. Inovasi dan fokus pelanggan - sentiasa fikir idea terbaik.
21. Amalkan budaya cakap, dengar dan beri maklum balas.
22. Digalakan budaya santai tidak berkerja dalam keadaan tertekan.
23. Daya kreativiti tinggi dan inovasi dilakukan dengan pantas.
24. Didik hormati idea orang lain.
25. Budaya kerja fleksibel dan jika ada kesilapan diperbaiki. Mengutamakan ilmu.
26. Staf digalakan berkongsi maklumat.
27. Digalax meletakkan sasaran melebihi dari jangkaan lazim sebagai rangsangan agar meningkat daya kreativiti dan prestasi secara berkesan.





Berita Persaraan

BIL	NAMA	TARIKH BERSARA	UMUR	JABATAN	JAWATAN
1	HOR SIEW MUI	28.1.2013	58	PW	PEMBANTU ADBIR (P/O)
2	ISHAK BIN DAHAMAN (PILIHAN SENDIRI)	1.2.2013	54	PJ	PEKERJA AWAM
3	ZAINAB BT BAKAR (PILIHAN SENDIRI)	1.3.2013	52	PW	PEMBANTU TADBIR
4	ROSLI BIN IBRAHIM (PILIHAN SENDIRI)	1.3.2013		PZ	JURUTEKNIK
5	ZAKARIA BIN DIN	3.3.2013	55	PB	ARKITEK
6	IDRIS BIN ISMAIL	25.3.2013	56	PPBK	PEMANDU KENDERAAN
7	SITI RAHMAH BT ABDUL RAHMAN	1.5.2013	52	PW	PEMBANTU TADBIR (P/O)
8	TAUFIK MAH BIN ABDULLAH	2.7.2013	55	PPBK	PEMBANTU KESIHATAN AWAM
9	IDRIS BIN MAT PIAH (PILIHAN SENDIRI)	2.7.2013	58	PW	PEMBANTU TADBIR
10	MOHD ARIFIN BIN TEH	19.7.2013	58	PPBK	PEKERJA AWAM
11	ZULKEFLI BIN BOON	25.7.2013	58	PZ	PEKERJA AWAM
12	PLANIAPPAN A/L GOPAL	1.8.2013	58	PJ	PEMANDU KENDERAAN
13	OOI KIM MOOI	1.9.2013	59	PW	PEMBANTU TADBIR (P/O)
14	WOO CHOON LENG (PILIHAN SENDIRI)	1.9.2013	55	PN	PEMBANTU PERNILAIAN
15	HUSSIN B. JOHARI	1.9.2013	52	PW	ATTENDAN LETAK KERETA
16	SHUKRI BIN ABDULLAH (PILIHAN SENDIRI)	1.10.2013	59	PJ	TUKANG K2

Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan

BIL	NAMA	TARIKH BERSARA
1	K.BASAGARAN A/L KUMARAN WARIS – LELA A/P GOVINDAN NAIR NO.32, JALAN TM 1/11, TAMAN TUPAI MAS SATU, 34000 TAIPING	11.1.2013
2	ABD RAZAK BIN AHMAD WARIS- RUSLINA BT MOHD ROZLAN NO. 35, JALAN TAMAN SEMARAK, TAMAN SEMARAK 34000 TAIPING, PERAK	22.4.2013 nak opsyen 1.9.2013

Berita Pelantikan

NO PEKERJA	NAMA	JAWATAN SSM	TARIKH LANTIKAN PERTAMA	TARAF JAWATAN
11111	Muhammad Fahmi Bin Zulkifli	PEMBANTU TADBIR (PEKERANIAN/ OPERASI)	01.10.2013	SAMBILAN
11110	Urice Carecaa A/L Anthony	PEMBANTU TADBIR (P/O)	02.09.2013	SAMBILAN
11109	Muhamad Ridhwan Bin Affendi	PEGAWAI VETERINAR	01.07.2013	KONTRAK
11108	Norshahidan Bin Masri	PEMANDU KENDERAAN	02.5.2013	KONTRAK
11104	Muhamad Aidil Azha Bin Ideris	PRA	04.2.2013	KONTRAK
11096	Sharuddin Bin Zainal Abidin	PRA	04.2. 2013	KONTRAK
11106	Mohd. Azizul Bin Mohammad sairi	PRA	07.1. 2013	KONTRAK
11084	Ahmad Sabri Bin Abdul Rahim	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11107	Azrul Izwan Bin Zulazhar	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11097	Che' Zuhazrin Bin Che Harun	PEMANDU KENDERAAN	02.12013	KONTRAK
11102	Gunasilan A/L mani Chelvam	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11088	Hairie Bin Kasim	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11093	Jazmi Bin R. Rusley	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11085	Johana Bin Zakaria	PEMANDU KENDERAAN	02.12013	KONTRAK
11087	Kumarishin A/L A. Rajamanikam	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11101	Lingern A/L Perumal	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11100	Lingeswaran A/L Ranjidan	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11086	Loh Woei Khai	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11095	Mohammad Ammirul Bin Abdul	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11090	Mohamad Nazrin Bin Aris	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11094	Mohd. Azrul Bin Amran	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11098	Mohd Mustazam Bin Maaruf	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11105	Mohd. Nor Hasron Bin Mohd. Ishak	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11091	Mohd. Zaidi Bin Amran	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11083	Muhammad Faiz Bin Kamarudin	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11089	Rahmat Bin Rahim	PRA	02.1. 2013	KONTRAK
11103	Zulkiflie Bin Mohd.Ghazali	PRA	02.1.2013	KONTRAK



BEKERJALAH DENGAN MASA

JANGAN RASUAH MASA DENGAN BERHUTANG KERJA.

Pekerja yang tidak proaktif dan warga kerja yang tidak produktif serta bermasalah sudah pasti tidak dapat mengurus pekerjaan dan masanya dengan bijak. Banyak masa dan tugas dibazirkan menyebabkan produktiviti dan kualiti organisasi terjejas.

Organisasi akan menanggung kerugian apabila warga kerjanya tidak bijak menguruskan masa dan menyelesaikan tugas dengan sempurna. Kesan dan impaknya apabila kewajipan dan tanggungjawab anggota organisasi tidak dilaksanakan dengan penuh integriti ialah mengakibatkan imej organisasi tercalar disebabkan berlakunya 'rasuah masa dan hutang kerja'

Antara kesannya ialah:

Pertama - Organisasi terpaksa menanggung kos tambahan kerana kelewatan menjalankan tugas tertentu menyebabkan kerja-kerja terpaksa dilakukan dengan bayaran lebih masa dan juga banyak aduan diterima yang perlu diselesaikan diluar waktu pejabat.

Kedua - Pembaziran sumber kerana output tidak diperlukan pelanggan lagi.

Ketiga - Menjejaskan imej organisasi dengan tanggapan rakyat bahawa organisasi tidak berwibawa dan tidak dipercayai.

Oleh itu semua pekerja mesti menyemak dan melakukan muhasabah diri bagaimana mereka menghabiskan masa ditempat kerja, berapa banyak masa bekerja dihabiskan untuk kerja – kerja peribadi dan bersantai dikedai kopi yang menjejaskan produktiviti. Bagaimana cara mereka bekerja

yang sepatutnya lebih berinovasi menyelesaikan masalah rakyat. Begitu juga dengan sistem kerja yang diamalkan hendaknya ada perubahan penambahbaikan dan sentiasa mengamalkan budaya kerja kaizen dalam pengurusan supaya berdaya maju dan berdaya saing. Semua elemen ini perlu diambil langkah drastik dan agresif agar tahap produktiviti dan penghasilan perkhidmatan dan produk dipertingkatkan seiring dengan kenaikan upah dan gaji yang diterima.

Apa pun untuk memastikan warga kerja berkhidmat dan bekerja dengan masa yang ditetapkan hendaklah dilakukan perubahan minda, pembentukan sikap positif dan membudayakan integriti dalam pekerjaan dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab. Sesungguhnya untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan penghasilan perkhidmatan yang berkualiti mestilah dengan mempunyai sumber manusia yang berkualiti, berintegriti dan berprestasi tinggi dalam setiap pekerjaan.

Adalah diingatkan kepada semua warga kerja organisasi supaya dapat menjalankan kewajipan dan menunaikan tanggungjawab dengan amanah dan berdisiplin. Jangan kita beranggapan bahawa rasuah, penyelewengan ataupun salah guna kuasa kerana semata-mata melibatkan wang sahaja sebaliknya kita mesti mempunyai keinsafan bahawa rasuah masa dan hutang kerja juga perlu dihindarkan supaya sumber rezeki yang diperolehi diberkati Allah. Persoalannya bolehkah kita menjawab 'sanggupkah kita ambil gaji/upah tetapi tidak buat kerja? Dimanakah integriti kita?



Sesungguhnya janganlah kita berlaku curang dalam melaksanakan tugas dan pekerjaan yang dipertanggungjawabkan atas dasar tidak amanah termasuklah budaya malas, ponteng kerja, kerja sambil lewa, menipu /gaji yang dibayar. Bekerjalah dengan penuh amanah supaya rezeki yang kita perolehi adalah penuh keberkatan dan diredhai oleh Allah SWT. Kita mesti menghormati dan menghargai waktu. Jangan diabaikan masa kerana pentingnya masa kepada manusia dulu, kini dan selamanya 'Berikan masa kita dan jangan ambil masa orang lain'.

Seperkara lagi yang mesti diamalkan ialah sentiasa kita berdoa kehadiran Allah SWT dalam semua tindakan dan perbuatan. Mulakan lah dengan mengingati Allah dan memberi salam kepada Nabi Muhammad SAW dan diakhiri dengan memohon ampun dan memohon keberkatan serta hasil yang baik daripada Allah. Sesungguhnya hanya kepada Allah SWT semua pengharapan itu ditujukan.

"Apabila anda tidak dapat menepati masa, Jangan anda membenci masa"



MASAKAN ISTIMEWA TAIPING MAKANAN DI BANDAR WARISAN

Apabila tibanya kita di sesuatu tempat pelancongan, sama ada di dalam Malaysia atau di luar Malaysia, tentunya kita kan tertanya-tanya 'apa makanan yang menarik di sini?' Jika ada diantara anda semua yang datang ke Taiping yang terletak di Perak, makanan popular yang terdapat di Taiping atau dikenali sebagai Taiping Bandar Warisan seperti Doli Kuey Teow Goreng yang menyediakan santapan popular seperti kuey teow

yang sangat special. Bagi mereka yang menggemarkan makanan berkuah, mereka boleh mencuba 'Mee Udang Kuala Sepetang' yang terletak kira-kira 23km dari bandar Taiping. Mee Udang Mak Jah menyajikan mee udang banjir yang sangat uumpphh. Udang yang digunakan amat segar dan anda boleh merasai kemanisan udang itu di dalam kuah 'Mee Udang Mak Jah'.

Bagi mereka yang ingin membasahkan tekak dan pada masa

yang sama anda mencari makanan ringan, bolehlah anda singgah di Restoran Ansari Cendol yang terletak di Jalan Chung Thye Pheng. Restoran ini menghidangkan cendol yang sangat lazat sampaikan semangkuk tidak cukup untuk dijamah. Restoran Ansari Cendol ini juga menyediakan pasembor yang sangat enak. Jadi anda tidak perlu risau jika anda ingin makan cendol dan pasembor pada masa yang sama.

KENALI PRODUK PELANCONGAN TAIPING

Bersama KHAIRUL SALLEH

Umum sudah tahu bahawa Taiping ialah Bandar Warisan dengan ikon pelancongan utamanya Taman Tasik, Zoo dan Night Safari, Muzium Perak dan Bukit Larut. Mempunyai 33 perkara pertama di Malaysia, Taiping juga bandar paling lembab dengan hujan dua kali lebih banyak dari purata tempat lain di Malaysia.

Majlis Perbandaran Taiping melalui Zoo dan Night Safari mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan program Zoo Renjer yang mana pengunjung boleh mendapatkan lebih ilmu mengenai binatang dan binatang nocturnal melalui penerangan mereka. Zoo Renjer dan para belia yang berminat juga dilatih untuk menjadi pemandu pelancong yang berilmu, ramah dan bermotivasi tinggi untuk menaikkan nama Taiping dalam bidang Perlancongan.

Masih terdapat banyak lagi tempat menarik yang terdapat di Taiping dan sekitarnya yang masih belum diketahui umum. Sebagai contoh, Pekan Kuala Sepetang hanya 15 km dari Taiping menjadi terkenal dengan hidangan mee udang dan makanan laut yang segar. Di situ juga terletak Pusat Eko Pelajaran Hutan Paya Laut Matang yang mempunyai pelbagai kemudahan

untuk para pelawat mengetahui dengan lebih lanjut mengenai ekosistem hutannya dan bagaimana pokok bakau menyesuaikan diri dengan keadaan air laut masin, berlumpur dan air pasang surut. Di sini juga terdapat banyak kilang kayu arang yang mana tidak ramai yang tahu bagaimana proses pembuatannya.

Bagi mengetahui lebih lanjut tentang hutan paya laut dan khazanah flora dan faunanya, pelancong boleh mendapatkan perkhidmatan pemandu pelancong Alam Semulajadi dari Kuala Sepetang Eco Track melalui sesawang www.kualasepetang.com untuk pakej-pakej lawatan menarik melibatkan aktiviti menaiki bot menyusuri sungai untuk melihat perkampungan nelayan, aktiviti nelayan, memerhati burung, burung helang, dolfin jika bernasib baik, menyauk kerang, memancing ikan, menangkul ketam, walau malam juga tidak sunyi di Kuala Sepetang. Setiap malam minggu terdapat pasar malam yang menyediakan pelbagai perniagaan dan aktiviti pelancongan diteruskan dengan aktiviti melihat kelip-kelip. Biasanya pelancong memilih aktiviti bot waktu siang, berehat sambil makan malam di restoran makanan laut dan selepas itu meneruskan aktiviti melihat

kelip-kelip.

Satu Malaysia tahu akan kelazatan durian yang datang dari dusun-dusun tradisional di Batu Kurau. Namun ramai yang tidak tahu di Batu Kurau juga menyediakan kawasan perkemahan jeram dan air terjun yang jernih dan menyejukkan. Terdapat 4 buah chalet yang menawarkan penginapan bujet iaitu Chalet Kurau Stone, Chalet Seri Cempaka, chalet Teratak Afrina dan yang terbaru Chalet Nor Cahaya Kg Repoh. Pelbagai aktiviti homestay kampung boleh dicuba seperti memasak lemang, ikan rempah, memetik ulam-ulaman yang tumbuh merata di sekeliling kampung, bermain dengan anak kambing sambil mengenali masyarakat Melayu Pattani yang peramah dan baik hati.

Bagi yang menggemari sukan mendaki pula, anda boleh berkolaborasi dengan belia proaktif Batu Kurau bagi melalui pengalaman mendaki Banjaran Bintang dari Batu Kurau hingga ke Puncak Bukit Larut sambil melawat kawasan gua perlombongan bijih timah. Pekan pagi Selasa sentiasa saja sesak dengan orang kampung membeli belah keperluan dapur hingga peralatan elektrik.

KHASIAT BUAH- BUAHAN TEMPATAN



TEMBIKAI adalah buah yang mengurangkan risiko untuk mendapatkan kanser prostat dan penyakit kardiovaskular. Selain itu, tembikai juga meningkatkan sistem imunisasi supaya tidak mudah diserang penyakit.



JAMBU BATU mampu menurunkan paras kolesterol dalam badan jika mengambilnya dengan jumlah yang disyorkan iaitu 400 gm atau sebiji setengah selama empat minggu.



NANAS membantu melancarkan perjalanan haid serta masalah pencernaan, pundi kencing, cacing dan kelesuan badan bahkan nanas juga mampu mengatasi penyakit batu karang.



BELIMBING mempunyai banyak khasiat perubatan. Bagi penghidap kencing manis dapat menurunkan paras gula dalam darah dan sesuai juga dimakan oleh mereka yang menghidap penyakit tekanan darah tinggi dan radang gusi.



DURIAN BELANDA dapat menyembuhkan kanser dan bertindak sebagai anti bakteria, berkesan untuk melawan berbagai jenis parasit dan cacing. Durian belanda juga membantu untuk menurunkan tekanan darah tinggi, stress dan menormalkan kembali sistem saraf yang kurang baik.



PISANG memberi sumber tenaga yang segera serta membantu memberikan perasaan relax dan gembira. Buah ini juga merangsang pengeluaran haemoglobin di dalam darah dan seterusnya mencegah anemia.



CIKU baik untuk dimakan bagi mereka yang menghadapi masalah kencing berdarah.



BUAH DELIMA boleh memperbaiki usus-usus dan menguatkannya, membersihkan bahagian dalam tekak serta sesuai bagi mereka yang mengalami masalah batu.



ISI MATA KUCING dijadikan ubat untuk sakit perut selain daripada berfungsi untuk mengurangkan suhu badan khususnya ketika demam dan membunuh cacing di dalam perut dan membantu sistem pencernaan.



BETIK boleh mengubati masalah ketumbuhan malah pucuknya boleh mengubati tekanan darah tinggi. Mengikut rawatan tradisional, betik digunakan untuk mengubati masalah tumit kaki pecah.



KUASA **BAYAM**

Apabila menyebut bayam, pasti kita akan teringat animasi popular satu ketika dahulu Popeye The Sailorman yang menggunakan bayam di dalam tin untuk menjadi kuat bagi melawan musuh.

Walaupun ia bagaikan satu lawak jenaka, namun realitinya bayam mempunyai khasiat yang baik.

Bayam merupakan tumbuhan dan sayuran hijau yang kaya dengan vitamin, protein, kalsium, zat besi, karbohidrat dan pelbagai mineral lain untuk tubuh.

Sayur itu bukan sahaja dapat membantu menghindarkan diri daripada penyakit, bahkan dapat melawan penyakit berbahaya seperti kanser dan sebagainya.

KHASIAT

TULANG KUAT

KANDUNGAN protein yang tinggi dalam bayam membantu pembentukan tulang yang kuat serta mencegah osteoporosis. Ia membantu penyerapan kalsium yang diperlukan tulang.

MENCEGAH KANSER

BAYAM sudah terbukti secara klinikal dapat memperlambatkan pertumbuhan sel kanser. Makan dengan kerap mampu mencegah kanser seperti payudara, ovari dan prostat.

KESIHATAN JANTUNG

BAYAM mempunyai sifat sebagai antioksidan yang baik dan mampu mencegah pembentukan kolesterol dalam arteri jantung serta baik untuk mengawal darah tinggi.

CEGAH DIABETIS

BAGI penghidap diabetes, magnesium dalam bayam dapat membantu mencegah komplikasi yang dihadapi oleh pesakit tersebut. Ia mampu menstabilkan gula dalam darah pesakit.

KESIHATAN MATA

BAYAM juga mampu memberi kesihatan yang baik untuk mata. Ia kaya dengan vitamin A, menjadikan daya penglihatan seseorang lebih baik.



LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA KE TAIPING



Lawatan Kerja Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diadakan pada 15 Mei 2013.

Yang berbahagia Dato Arfah Abdul Razak telah membuat beberapa lawatan kerja di beberapa tempat seperti diprojek perumahan Rakyat Batu 2 ½ Jalan Simpang.

Beliau juga mengadakan kunjungan singkat di Kampung Potong Pinang Pokok Assam.

Turut hadir mengiringi dan memberi taklimat ringkas ialah En. Shahrom Bin Dato Abdul Malik Yang Dipertua MPT, Dato Harun Ravi Pegawai Daerah Larut Matang dan Selama, setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat SUK Perak Encik Mohd Zakuan Hj Zakaria dan Encik Borhan Abdul Halim. Setiausaha Perbadaran, Majlis Perbandaran Taiping.



FAKTA MENARIK

Membaca buku itu ibarat 'berdialog' dengan orang-orang hebat atau pemikir-pemikir besar. Bahkan buku dapat mempertemukan dan menghubungkan dunia masa silam dengan dunia pembaca masa kini.

Penerbitan Buku

400 buku baru diterbitkan setiap 30 saat setiap hari di seluruh dunia.

Dalam satu Tahun dianggarkan sebanyak 1.5 juta judul baru diterbitkan sejarah mesti cetak Gutenberg (1450). Dijangka sebanyak 50 juta judul buku telah diterbitkan di planet dunia.

Kalau kita hendak membaca ke semua buku yang ada kita memerlukan masa selama 250,000 tahun. Malahan jika kita nak membuka judul buku sahaja terpaksa mengambil masa selama 15 tahun.

TETAMU-TETAMU LAWATAN

1. Lawatan sambil belajar Majlis Daerah Kuala Selangor ke Majlis Perbandaran Taiping pada 23/25.3.2013 seramai 21 orang jam 9.00 pagi.



2. Lawatan Majlis Daerah Tumpat Kelantan ke Majlis Perbandaran Taiping seramai 60 orang termasuk pegawai dan staff pada 21 Jun 2013 jam 10 pagi.



3. Lawatan Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan di MPT, pada 12/11/2013 (selasa) jam 9.30 pagi di Bilik Mesyuarat Dahlia.
4. Lawatan Naziran Pengurusan Sumber Manusia Pihak PBT Negeri Perak, ke Majlis Perbandaran Taiping pada 14/11/2013 jam 9.00 pagi seramai 6 orang.



KONVOI KIBAR JALUR GEMILANG 2013

Oleh: Norehan binti Yusof



Konvoi 'Kibar Jalur Gemilang' – Bersama keluarga adalah program tahunan Rukun Tetangga Jalan Kampung Dew Barat, Simpang, Taiping Perak. Program jalinan kerjasama bersama Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Taiping ini merupakan program tahunan yang sentiasa dinantikan oleh penduduk di kawasan ini. Ia merupakan penyemaian semangat patriotik dan menyemarakkan semangat menghargai kemerdekaan di kalangan anak-anak, remaja dan orang dewasa. Berlandaskan kerjasama jitu dari Local Agenda 21 Majlis Perbandaran Taiping dan agensi-agensi lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis, Penerangan dan pihak NGO serta swasta menyebabkan program ini dilaksanakan setiap tahun tanpa gagal. Program yang mencecah kali ke 20 ini telah menarik seramai lebih kurang

3000 penyertaan dari penduduk sekitar Simpang, Taiping dan juga penduduk dari daerah lain. Bagi tahun 2013, program ini dilaksanakan pada 25 Ogos yang lalu.

Lebih 300 kereta, ratusan motosikal dan 2 biji bas bergerak dari pusat kejurangan Rukun Tetangga Jalan Kampung Dew Barat, Simpang melalui Batu Kurau dan seterusnya ke destinasi akhir iaitu Selama, Perak. Kibaran bendera dan iringan lagu patriotik berkumandang di sepanjang jalan memeriahkan laluan. Konvoi disambut meriah oleh ADUN Selama, Dato' Hj Daud. Sajian pelbagai menu dari 5 ekor lembu yang ditumbangkan pada hari tersebut memeriahkan lagi suasana. Pelbagai program seperti sumbangan kerusi roda, sumbangan

makanan kepada fakir miskin, sumbangan beras, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, pertandingan karaoke dan pelbagai lagi aktiviti menyemarakkan lagi sambutan pada tahun ini. Semangat kemerdekaan dan nilai-nilai murni yang cuba diterapkan menunjukkan hasil apabila kanak-kanak dan generasi muda turut sama mengambil bahagian. Majlis berakhir jam 2 petang dengan acara cabutan bertuah dan konvoi bergerak pulang pada jam 3 petang, Terima kasih, penghargaan dan syabas kepada Rukun Tetangga Jln Kpg Dew Barat dan Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Taiping, Kepada semua agensi yang terlibat, "Terima kasih daun keladi...InsyaaAllah tahun depan kita jumpa lagi.



PROGRAM COMMUNITY AND SOSIAL RESPONSIBILITY (CRS) ECO OUTING DAY 'OUR FUTURE' dari Institusi Tadbiran Awam Negara (Intan) pada 13.10.2013 di Pavilion Zoo Taiping. Antara Aktiviti Senamrobik, Pameran Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Jabatan Kesihatan.



SATU RUMAH SATU TONG SAMPAH



TAHUKAH ANDA?

Menurut laporan RMK9, jumlah sisa pepejal yang dijana di semenanjung Malaysia meningkat daripada 16200 tan metrik sehari kepada 19100 tan metrik. Menurut kajian, secara purata warga Taiping mengeluarkan sampah 480 tan metrik sehari Negeri Perak merupakan negeri ke-4 yang menyumbang sampah terbanyak di Malaysia iaitu sebanyak 1596 tan sehari.

UNDANG-UNDANG KECIL KEBERSIHAN AWAM (Majlis Perbandaran Taiping) 1984 Seksyen 4 (a) Undang-undang Kecil Kebersihan Awam menyatakan bahawa setiap penghuni mana-mana premis hendaklah mengadakan sebilangan yang cukup akan bebas sampah-sarap yang bertutup, untuk menyimpan sampah-sarap premis. Bekas ini hendaklah diperbuat dari bahan-bahan dan mengikut saiz sebagaimana yang ditentukan dan diluluskan oleh Yang Dipertua.



FAKTA BERKAITAN TIKUS

- Di Malaysia terdapat 26 spesies tikus & 200 Sub-spesies tikus.
- Terdapat 3 jenis tikus iaitu, *Rattus rattus diardii*, *Rattus Norvegicus* (tikus mondok) & *Mus musculus*.
- *Rattus rattus diardii* merupakan tikus yang biasa dijumpai sarangnya sekitar luar bangunan seperti di kawasan timbunan sampah & longkang.
- Leptospirosis dikenali sebagai infectious jaundice (Weil's Disease) adalah penyakit global kepada manusia, tikus, anjing, khinzir & lembu.
- Menjangkiti manusia iaitu dengan makanan tercemar (urin & berenang dalam air yang tercemar).
- Gejala-gejala penyakit seperti: Demam, sejuk, sakit badan, muntah & konjunktivitis.
- Tempat kawalan tikus dijalankan oleh PBT adalah di kawasan medan selera, pasar awam, gerai, tempat perlupusan sampah & sebagainya.
- Jenis kawalan tikus oleh PBT adalah seperti racun tikus – umpan / misting / spray, perangkap tikus, papan pelekat tikus (Tangle Foot Board) & Kempen Basmi Tikus / Promosi Kesihatan.
- Minuman tin antara punca virus kencing tikus. Perlakuan individu seperti meminum air tin yang tidak di basuh tin tersebut terlebih dahulu. Tin di dalam stor 'mungkin' pernah dilalui atau terkena kencing tikus.
- Leptospirosis adalah penyakit yang jarang berlaku, ianya berpunca daripada kencing tikus dan merupakan satu penyakit yang amat tenat/teruk serta boleh berjangkit.
- Dari aspek ekonomi tikus \ merupakan haiwan perosak yang tegar kepada hasil pertanian.
- Memusnahkan harta, awam, dinding, lantai & sebagainya.
- Sektor perlancongan merosot berikutan dengan penutupan akibat wabak kencing tikus.
- Sistem pembentungan yang kotor, kabel elektrik/telefon serta paip fiber rosak di gigit oleh haiwan perosak ini.
- Malaysia kerugian sebanyak 5-10% hasil padi di Sarawak akibat daripada tikus.
- Tragedi di Lubuk Yu, Maran Pahang di mana meragut lapan nyawa akibat daripada virus kencing tikus di kawasan rekreasi.
- Punca Kuasa Pihak Berkuasa Tempatan Dalam Kawalan Tikus antaranya ialah:
 - i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Seksyen 76,80,81,82.
 - ii. Akta Makanan 1983, Peraturan Kebersihan Makanan 2009.
 - iii. Akta Percegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)
 - iv. Undang-undang Kecil PBT (Establishmen Makanan) dan
 - v. Undang-undang Kecil PBT (Pasar).



PEMBANGUNAN
BANDAR TAIPING

PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI TAIPING

